

17 SEPTEMBER 2009

Koroner : Tuan Azmil Muntapha bin Abas

Timbalan Pendakwaraya (TPR) : Tuan Mohd Abazafree bin Mohd Abas
(Dilantik oleh Kerajaan Malaysia) Encik Tan Hock Chuan
Encik Justin Wee

Peguam Pemerhati
(SPRM) : Y.Bhg Dato' Abdul Razak bin Musa

Peguam Pemerhati
(Untuk keluarga simati) : Encik Gobind Singh Deo

Peguam Pemerhati
(Kerajaan Negeri Selangor) : Encik Malik Imtiaz Sarwar

Peguam Pemerhati
(Majlis Peguam) : Encik Shahrizan Johan
Cik June Low (pelatih dalam kamar)

Peguam Pemerhati :
(YB Ean) Encik Salim Bashir

Timbalan Pendakwaraya: Pihak pendakwaan semua hadir kecuali Mr. Cains
Tans kerana ada urusan lain.

Timbalan Pendakwaraya: Sebelum kita memulakan apa-apa prosiding hari ini izinkan saya memaklumkan berkenaan arahan Mahkamah tempoh hari, berkaitan dengan keterangan saksi inkues ke-20. Ada 2 arahan Mahkamah berkenaan dengan siasatan ke atas kecederaan iaitu 1) gambar foto yang diambil oleh pihak polis dalam siasatan ke atas beliau (SI - 20). Saya telah dimaklumkan oleh pihak polis tiada sebarang gambar foto telah diambil daripada beliau dan oleh yang demikian, pihak polis tidak dapat membekalkan gambar tersebut dan yang 2) berkenaan dengan laporan doktor berkaitan dengan kecederaan, buat masa ini siasatan menunjukkan terdapat 4 orang doktor di Hospital Klang yang terbabit di dalam kes ini dan bagi mendapatkan 1 laporan yang penuh pihak polis perlu mendapatkan keterangan daripada keempat - empat mereka agar 1 laporan yang lengkap dapat disediakan. Setakat ini kita telah mengesan 3 orang doktor daripada 4 orang tersebut iaitu:

- i. Doktor Joseph.
- ii. Doktor Santhia Muthusamy.
- iii. Doktor Ganesha Moorthy.

Pihak polis juga sedang mengesan seorang lagi dan telahpun tahu dimana, dalam usaha untuk merakam percakapan seorang doktor bernama Dr. Rohiwatul Soleha. Beliau berada di Hospital Klang juga dan hanya berdasarkan keempat-empat inilah, baru 1 laporan lengkap perubatan jika ada boleh disediakan. It is to be fair to the saksi juga kerana 1 laporan yang diberikan oleh seorang doktor sahaja akan tidak menggambarkan keseluruhan kecederaan yang dialami oleh beliau. Itu adalah

berkenaan dengan 2 arahan yang Tuan berikan pada pihak polis bagi mengemukakan ia kepada pihak inquest ini.

Encik Gobind : Pertama sekali saya ingin maklumkan kepada mahkamah bahawa gambar asal yang telah dikemukakan telahpun dijumpai dan saya telah serahkan kepada mahkamah dan kalau boleh satu nota dibuat salinan asal telah dikemukakan di mahkamah so tidak ada sebarang kemusykilan di masa depan. Pohon rujuk I 60 A. Kami telahpun berusaha untuk memberikan dan kami akan memberikan pihak-pihak dalam prosiding ini salinan asal. There no negative kerana gambar ini diambil secara digital tapi the cakera (disc) is available. Berkenaan dengan inquest hari ini saksi hadir Encik Sivanesan beliau sedia untuk memberi keterangan dan berpendapat inkues ini seharusnya berjalan. Dalam keadaan sedemikian, saya meminta agar dibenarkan saksi mengambil sumpah dan disoal balas oleh rakan saya Dato' Abdul Razak.

Timbalan Pendakwaraya: Just for the record, Mr. Gobind hanya memberikan 8 copies out of 17 keping gambar.

Encik Gobind : Bakinya ada dan akan saya serahkan. Tiada masalah.

Dato' Abdul Razak : Pada tarikh yang lalu saya memohon penangguhan atas alasan yang nampaknya tidak selesai sehingga hari ini. Saya akui saya ada menerima 8 salinan gambar pada hari ini. Daripada warna, memang seperti yang saya jangkakan, beza sedikit daripada seperti yang ditunjukkan sebelum ini, saya tidak dapat merujuk kepada orang yang

boleh membantu saya untuk mengesahkannya. Atas 2 alasan iaitu 1st tidak memperolehi sebarang laporan perubatan sehingga hari ini, kita tidak tahu samada gambar berwarna ini adalah kesan kecederaan atau ubat daripada colour. Pagi ini saya telah menerima 8 daripada 17 keping gambar. Mungkin sebab printing dan saya tidak boleh komen lagi. Atas alasan itu saya memohon soalan ini ditangguhkan sehingga semua dokumen dibekalkan.

Encik Gobind : Saya hendak membawa perhatian bahawa perintah dari Mahkamah Tinggi supaya inquest ini diteruskan serta merta. There is an order of the High Court Shah Alam sitting in Petaling Jaya, that this inquest sitting forthwith, I don't see why this inquest should be postponed. Earlier, there seems to be a lot of rush, there seems to be a lot of interest in getting through to the inquest. Now, when we produce the witness, who seems to speak of events we strike at a very hard of matters related to the inquest then we see all sorts of excuse to delay, appeals, and so forth. If this court is minded, to agree with Dato' Abdul Razak, perhaps this witness will not be cross-examined today, Then, I don't see why we can't proceed with other witnesses. We have all of these witnesses, perhaps not the MACC officers, but people perhaps like Manoharan, Tan Boon Wah and so forth. Otherwise, in the situation, where we don't know, we do not know for sure, we even do not know where we are going; there is no clarity, no certainty for this court for adjournment. So, in those circumstance, I ask court, in the event, please, if we are not to proceed in cross-examination of Sivanesan today, perhaps order, that

we can proceed with other witnesses, who I'm sure are prepare to take the stand today.

Encik Malik : I support the application Ecik Gobind Singh. Court is minded not to proceed with the witness SI-20, than could we start with other witnesses. Mr Tan Hock Chuan says there is a question of flow, then, we are happy not to proceed with the MACC witnesses, perhaps offers alternatives.

Timbalan Pendakwaraya: I got other witness in here. We got at least 3 witnesses. I am ready to proceed. I understand Dato' Abdul Razak application, is only in respect of Sivanesan, because the medical report is not ready, and also the photograph, it should be fair, it is 8 out of 17 pieces. To be fair to him, I mean, he was entitled to all that before he examined Sivanesan. Other witnesses, we are ready. There is no need to make fuss about it. We are ready. I've got 3 witnesses today. I hope we can move.

Mahkamah : This inquest, for me, bagi pihak pihak mahkamah tidak ada soalan untuk saksi SI-20, Cuma pihak SPRM sahaja yang perlu menyoal beberapa soalan, dan pihak SPRM belum bersedia untuk bertanya soalan atas sebab-sebab yang diberitahu tadi, memandangkan ada saksi lain yang bersedia untuk beri keterangan, saya ingat tidak ada masalah, we just move on, kita boleh move on, Cuma kalau ada soalan lain daripada saksi lain yang mungkin berkaitan dengan gambar ataupun report, than, kita decide, kalau tidak ada, kita just move on.

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Timbalan Pendakwaraya : Jika tiada soalan dan kita move on. Pohon panggil Mohd Nazri b. Ibrahim. He is a recording officer (A19).

SI 22

Nama : Mohd Nazri bin Ibrahim
Jawatan : Penolong Kanan Penguasa
Jabatan : SPRM Selangor

[Angkat sumpah dan beri keterangan dalam Bahasa Malaysia]

Pemeriksaan Oleh Timbalan Pendakwaraya :

Q : Encik Nazri pada 15.7.2009, adakah kamu bertugas di SPRM Selangor?

A : Ya.

Q : Adakah kamu bertugas pada 15 dan 16.7.2009?

A : Ya

Q : Di pejabat.

A : Ya.

Q : Adakah kamu berada di pejabat pada jam pukul 12 tengah malam 15.7.2009 hendak masuk ke 16hb, ada bertugas di pejabat?

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

A : Ada.

Q : Sila ceritakan apakah tugas yang kamu jalankan pada masa itu?

A : Saya diarahkan untuk standby di pejabat.

Q : Diarah oleh sesiapa?

A : Ketua Unit Siasatan Tuan Hairul Ilham.

Q : Standby untuk tugas apa?

A : Untuk merakam pernyataan saksi.

Q : Nama saksi?

A : Teoh Beng Hock.

Q : Adakah kamu merakam percakapan tersebut?

A : Ya.

Q : Jam pukul berapa?

A : 1:30 pagi.

Q : 1:30 pagi kamu merakam percakapan?

A : Ya.

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Q : Di mana?

A : Dibilik saya.

Q : Siapa yang bawa Mr Teoh Beng Hock ke bilik kamu untuk merakam percakapan?

A : Saya menjemput dia sendiri.

Q : Dari mana?

A : Dari ruang Tetamu bahagian Pendidikan Masyarakat.

Q : Kamu menjemput dia pukul berapa?

A : Lebihkurang pukul 1:00 lebih.

Timbalan Pendakwaraya : Pohon rujuk I 63 – sketch plan. Encik Nazri beri sedikit panduan.

Q : Bilik Encik Nazri dekat mana?

A : (Saksi merujuk kepada sketch plan) - 163 B.

Q : Ruang tetamu bahagian Pendidikan Masyarakat?

A : Di hadapan bilik Tuan Kamaruzzaman.

Timbalan Pendakwaraya : We marked as sofa PENMAS last time.

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Q : Apakah yang kamu buat antara masa kamu terima arahan daripada Tuan Hairul Ilham untuk standby jam 12:00 tengah malam sehingga kamu menjemput Mr Teoh Beng Hock dari ruang tetamu pendidikan masyarakat (PENMAS)?

A : Saya standby di ruang tetamu siasatan dekat S1.

Q : Kamu jemput Mr. Teoh Beng Hock dari ruang tamu Pendidikan Masyarakat atas inisiatif sendiri atau diarahkan untuk berbuat demikian?

A : Saya diarahkan.

Q : Pada masa kamu jemput Mr Teoh Beng Hock dari PENMAS siapa-siapa dengan Mr Teoh Beng Hock?

A : Saya tidak ingat.

Q : Ada nampak sesiapa duduk di kawasan itu, kawasan sofa?

A : Saya tidak ingat.

Q : Bagaimana keadaan Mr. Teoh Beng Hock pada masa kamu jemput dia di sofa PENMAS?

A : Saya tidak ingat.

Q : Saya rujuk Encik Nazri pada I 56 gambar 15 dan 16? Adakah ini sofa PENMAS? Which one is sofa PENMAS?

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

A : Dua-dua.

Q : Perjalanan balik dari sofa Pendidikan Masyarakat adakah kamu bawa Mr. Teoh Beng Hock direct ke bilik kamu atau ada stop mana-mana?

A : Saya bawa direct ke bilik saya.

Q : Tadi kamu katakan rakaman percakapan bermula dari jam 1:30 pagi, habis pukul berapa?

A : Habis rekod statement, jam 3:30 pagi.

Q : Semasa percakapan Mr. Teoh Beng Hock dirakam di pejabat kamu adakah pintu pejabat kamu tertutup atau buka?

A : Saya buka.

Q : Bagaimanakah keadaan Mr Teoh Beng Hock semasa percakapan beliau dirakamkan?

A : Pada mulanya dia nampak agak resah tetapi pada pertengahan dan habis dia nampak tenang.

Q : Adakah beliau memberi kerjasama semasa memberi percakapan kepada kamu?

A : Ya.

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Q : Semasa Mr. Teoh Beng Hock memberi percakapan kepada kamu adakah beliau digari ataupun tidak?

A : Tidak gari.

Q : Adakah kamu tanya beliau samada beliau ada apa-apa kecederaan ataupun apa-apa complaint sebelum kamu merakam percakapan?

A : Saya tidak tanya.

Q : Adakah kamu nampak apa-apa kecederaan atau pun tidak?

A : Saya tidak nampak.

Q : Adakah Mr. Teoh Beng Hock membawa apa-apa beg atau pun benda-benda lain semasa dia membawa ke bilik kamu semasa memberi percakapan?

A : Dia ada bawa beg.

Q : Beg warna apa?

A : Saya tidak ingat.

Timbalan Pendakwaraya : Pohon rujuk - I 1 gambar no.11.

Q : Adakah beg ini menyerupai gambar beg ini?

A : Lebihkurang.

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Q : Kamu kata bahawa percakapan Mr Teoh Beng Hock, dirakam dari jam 1:30 hingga 3:30 pagi, betulkan?

A : Ya.

Q : Adakah percakapan itu dirakamkan secara berterusan, tidak ada rehat?

A : Ada rehat sekejap.

Q : Jam pukul berapa?

A : Lebihkurang jam 2:30 pagi.

Q : Kata ada rehat sekejap, kenapa?

A : Mr. Teoh Beng Hock mahu pergi ke toilet.

Q : Toilet dekat mana? Sila lihat sketch plan.

A : (Saksi merujuk kepada sketch plan). Saksi memaklumkan I 63 E.

Q : Adakah kamu mengikut dia ke toilet?

A : Tidak.

Q : Berapa lama dia pergi ke tandas, lebihkurang?

A : Lebihkurang 5 minit.

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Q : Selepas percakapan habis dirakamkan, jam lebihkurang 3:30 pagi apa yang berlaku, apa yang Encik Nazri buat?

A : Selepas 3:30 pagi saya menyuruh Encik Teoh Beng Hock membaca dan menyemak balik statement.

Q : Lagi?

A : Selepas itu saya mencetak statement saya. Selepas itu saya memberi sekali lagi statement yang telah dicetak kepada Mr. Teoh Beng Hock untuk disemak sekali lagi dan ditandatangani.

Q : Kali pertama dia baca dekat mana?

A : Di komputer.

Q : Selepas itu?

A : Selepas itu Encik Teoh Beng Hock menandatangani statement tersebut.

Q : Selepas statement habis dirakam dan selesai apa berlaku?

A : Selepas itu saya pergi mencari pegawai penyiasat kes Tuan Anuar.

Q : Sila lihat sketch plan, bilik Tuan Anuar dekat mana?

A : Sebelah bilik saya.

Q : I 63 A. Kamu cari Tuan Anuar di mana?

A : Ya. Saya cari di sekitar pejabat.

Q : Dia tidak ada di bilik?

A : Tidak ada.

Q : Ada jumpa Tuan Anuar?

A : Ya.

Q : Di mana?

A : Saya jumpa Tuan Anuar di surau.

Q : Surau dekat mana?

A : I 63 D.

Mahkamah : Sebelah bilik Mesyuarat utama.

Q : Kamu cari Tuan Anuar untuk tujuan apa?

A : Saya mencari dia untuk menyerah semula maklumat-maklumat yang telah siap dan menunggu arahan lanjut.

Q : Jadi Tuan Anuar cakap apa?

A : Sebelum itu saya memaklumkan kepada dia yang saya ingin balik ke rumah, ini kerana saya ada perbincangan pada sebelah pagi dan saya

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

memaklumkan bahawa statement telah siap dan dia menyatakan bahawa dia menyuruh Teoh Beng Hock balik dan mengambil dokumen yang lain.

Q : Pagi 16.7.2009 kamu ada kes di mana?

A : Mahkamah Seksyen 3 Kuala Lumpur.

Q : Bila kamu jumpa Tuan Anuar di surau dan beliau mengatakan suruh Mr. Teoh Beng Hock balik ambil dokumen, adakah Mr. Teoh Beng Hock bersama kamu?

A : Tidak.

Q : Dia di mana semasa kamu keluar cari Tuan Anuar?

A : Di atas sofa di hadapan bilik saya.

Q : Lihat I 56. Tunjuk gambar sofa dan pejabat kamu? Gambar pejabat kamu dulu dan sofa. Start dari gambar 20. Bilik Encik Nazri yang mana satu?

A : Sebelah kanan pintu yang terbuka.

Q : Sofa yang kamu cakap Mr. Teoh Beng Hock duduk?

A : Betul-betul di hadapan bilik saya.

Q : Gambar 21 sama?

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

A : Ya.

Q : Gambar 23?

A : Bilik saya.

Q : Gambar 24? Sofa depan bilik kamu?

A : Ya.

Q : Kalau Mr Teoh Beng Hock tidak berada dengan kamu dan Tuan Anuar pada masa itu, siapa yang hantar pesan atau bawa dokumen yang bawa pada hari itu?

A : Saya yang maklumkan arahan Tuan Anuar kepada Mr Teoh Beng Hock untuk bawa dokumen.

Q : Pada masa itu Mr Teoh Beng Hock duduk disofa?

A : Ya.

Q : Saya hendak tanya, selepas percakapan dirakamkan, selepas kamu sampaikan pesan untuk ambik dokumen, adakah Mr. Teoh Beng Hock disuruh tunggu di pejabat atau balik atau macamana?

A : Saya memaklumkan kepada dia suruh balik dan ambil dokumen yang disuruh tadi selepas itu, dia meminta untuk duduk disofa dan nak berehat sekejap.

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Q : Ini jam pukul berapa?

A : Lebihkurang 3:50 pagi.

Q : Adakah Mr. Teoh Beng Hock beritahu kenapa dia hendak berehat sekejap?

A : Tidak.

Q : Pukul berapa Encik Nazri keluar dari pejabat dan balik rumah?

A : Lebihkurang pukul 4:00 pagi.

Timbalan Pendakwaraya : Pohon rujuk punch-card no. 23.

Q : Saya tunjuk copy punch card? Pukul berapa kamu punch out kad kamu?

A : 3:55 pagi.

Q : Saya hendak tanya Encik Nazri, kamu punch out 3:55, kali terakhir kamu nampak Mr. Teoh Beng Hock di pejabat itu sebelum kamu balik, beliau dekat mana?

A : Berada di sofa di hadapan bilik Tuan Anuar.

Q : Itu sofa yang lagi satu yang bertentangan dengan sofa kamu?

A : Ya, yang 3 seater.

Timbalan Pendakwaraya : Pohon rujuk I 4 – CCTV.

Q : Saya hendak tunjuk Encik Nazri, ini adalah CCTV di Plaza Masalam. Gambar no.31 and no.32. Adakah ini gambar kamu keluar dari Plaza Masalam jam lebihkurang pukul berapa?

A : Ya dan pukul 4:00 pagi.

Q : Tadi saya tanya Encik Nazri semasa percakapan dirakamkan pada 1:30 hingga lebihkurang 3:30 adakah ada break, kamu kata ada break, dan saya ingin tanya semasa percakapan lebihkurang 2 jam, lebihkurang, ada siapa-siapa yang masuk ke bilik kamu semasa percakapan dirakamkan?

A : Ada.

Q : Siapa?

A : Pegawai Penyiasat kes Tuan Anuar.

Q : Di masuk pukul berapa?

A : Dalam masa lebihkurang 2:30 pagi.

Q : Dalam berapa lama?

A : Lebihkurang 2 ke 3 minit.

Q : Tujuan apa? Apa yang dia cakap?

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

- A : Dia tanya khabar kepada saksi dan tanya khabar kepada saya.
- Q : Ada pegawai lain yang masuk ke bilik kamu semasa percakapan?
- A : Tiada.
- Q : Kad pengenalan saksi, Mr Teoh Beng Hock, Encik Nazri ada tengok sebelum rakaman percakapan dirakam?
- A : Ada.
- Q : Awak minta kad pengenalan daripada Mr Teoh Beng Hock?
- A : Ada.
- Q : Dia tunjuk atau tidak?
- A : Saya mengambil nya.
- Q : Ada pulangkan kepada Mr. Teoh Beng Hock?
- A : Ada.
- Q : Ada buat salinan IC Mr Teoh Beng Hock?
- A : Ada.
- Q : Pulangkan Mr Teoh Beng Hock kad pengenalan beliau selepas ambil butir-butir atau pada penghujung rakaman percakapan?

A : Pada penghujung rakaman percakapan.

Q : Semasa kamu balik pada 3:55 pagi pada 16.7.2009, adakah kamu bertemu atau ada apa-apa urusan dengan Mr. Teoh Beng Hock?

A : Tidak ada.

No further question.

Pemeriksaan oleh Encik Gobind :

Q : Encik Nazri sebelum kerja dengan SPRM?

Dato' Abdul Razak : Saya interrupt sikit, it is my proposal to tender the exhibit, we already supplied to all parties, sebelum diteruskan saya pohon tanda dokumen yang telah diberikan pada pagi tadi.

Mahkamah : 112 statements?

Timbalan Pendakwaraya: 112 statements. I leave it to court. We already have a copy. Maybe you should to have a look.

Mahkamah : Earlier saya ada terima copy of the statement.

Timbalan Pendakwaraya: Pihak saya tidak ada halangan kerana ini menunjukkan percakapan ini telah dirakamkan oleh saksi ini. In fact we have said we should wait to Encik Nazri as the maker.

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Timbalan Pendakwaraya: Adakah ini percakapan yang kamu rakamkan daripada saksi Mr. Teoh Beng Hock?

SI 22 : Ya.

Timbalan Pendakwaraya: Adakah Mr. Teoh Beng Hock tandatangan pada setiap muka surat? Beliau ada tandatangan di muka surat pertama dan terakhir?

SI 22 : Ya.

Timbalan Pendakwaraya: Untuk makluman mahkamah, lampiran kad pengenalan ada dilampirkan muka surat terakhir. Pohon ditanda.

Mahkamah : Ditanda - I 69.

Pemeriksaan oleh Encik Gobind Semula:

Q : Berapa lama Encik Nazri sudah kerja dengan SPRM?

A : Lebihkurang 9 tahun lebih.

Q : Sebelum itu ada kerja di mana?

A : Sebelum itu saya kerja kilang.

Q : Kilang di mana?

A : Batu 3 Shah Alam.

Q : Sebagai?

A : Sebagai Supervisor.

Q : Adakah kamu mempunyai sebarang pengalaman dalam hal merakam statement saksi atau saspek sebelum menyertai SPRM?

A : Tidak.

Q : Selepas menyertai SPRM adakah kamu mendapat sebarang latihan berkenaan dengan cara merakam statement saksi atau saspek?

A : Ada.

Q : Bila?

A : Semasa kursus asas pada tahun 2000.

Q : Di mana?

A : Di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur.

Q : Dan semasa kamu bertugas di SPRM dalam 9 tahun ini kamu mempunyai pengalaman dalam hal merakam statement daripada saspek ataupun saksi?

A : Ya.

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Q : Apakah beza antara statement saspek ataupun saksi?

A : Perbezaan adalah pertama, borang yang digunakan untuk merakam percakapan saksi ialah menggunakan borang 007 dan borang untuk merekod statement saspek saya tidak ingat nombor dia. Kedua, perbezaannya ialah akta yang digunakan untuk rakam percakapan saksi menggunakan peruntukan 30 (3) (b) ASPRM.

Q : Itu untuk siapa?

A : Saksi.

Q : Untuk saspek.

A : Untuk saspek tidak silap seksyen 53.

Q : Tapi akta yang sama?

A : Akta yang sama.

Q : Apakah beza antara kandungan borang 007 dan yang lain?

A : Kandungan borang adalah berbeza dari segi peruntukan akta yang dibaca kepada saksi ataupun saspek.

Q : Tetapi kamu setuju dengan saya bahawa satu perkara yang penting dalam rakaman statement adalah kesukarelaan/voluntariness?

A : Saya setuju.

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Q : Kenapa? Why is voluntariness important?

A : Untuk menceritakan benda yang benar.

Q : Maknanya kalau seorang saspek atau pun saksi di dalam keadaan tertekan ada kemungkinan bahawa statement itu tidak mencerminkan kebenaran ataupun keseluruhan kebenaran? If the witness is under pressure, it would not reflect the whole truth?

A : Mungkin.

Q : Dan kamu setuju dengan saya bahawa keadaan sekeliling seorang saksi ataupun seorang saspek boleh mempunyai kesan terhadap kesukarelaan? The surrounding circumstances a particular witness or suspect can have effect to the voluntariness.

A : Saya setuju.

Q : Kamu juga setuju sekiranya ada satu statement diambil di luar keadaan biasa ataupun luar biasa itu pun boleh juga beri satu kesan terhadap kerelaan?

A : Apa maknanya Encik Gobind?

Q : Misalnya kita meminta seseorang saksi memberi satu statement pada waktu yang misalnya larut malam awal pagi mungkin ada juga kesan dan mungkin tidak ada?

A : Mungkin.

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Q : Di dalam kes ini, Tuan Nazri, kamu kata bahawa kamu tidak tanya saksi samada dia ada sebarang complaint, bukankah penting untuk kamu sebagai orang yang hendak ambil statement yang dikatakan sukarela, bukankah penting untuk kamu secara sendiri daripada saksi samada beliau mempunyai sebarang complaint ataupun aduan. Is it important for you the recording officer, who is interested in voluntariness and the truth to find out from the witness whether he need to complaint? Adakah itu penting?

A : Untuk saksi tidak penting.

Q : Tapi kalau saksi hendak aduan atau complaint, dan berkata saya dalam keadaan tak selesa, itu juga pentingkan? It depends?

A : Pertanyaan untuk selesa atau tidak selesa ianya adalah soalan kepada OKT.

Q : Ya. Tapi, soalan awal tadi, kamu setuju bahawa kesukarelaan penting untuk dua-dua saksi dan saspek. Soalan saya sekarang menjurus kepada saksi, bukankah penting untuk kamu juga dapat tahu samada ada apa-apa complaint, letih ke, whatever it is? Penting kan?

A : Penting.

Q : Kalau penting kenapa di dalam kes ini tidak ditanya?

A : Saya ada tanya pasal dia sudah makan atau pun belum.

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Q : Itu lain. Kamu tadi kata kamu ada tidak tanya samada dia ada sebarang aduan atau complaint, soalan saya menjurus kepada kenapa tidak tanya beliau dalam kes ini, walhal kita setuju dari awal lagi persoalan saya, bahawa penting untuk pegawai perakam pastikan kesukarelaan pada saksi atau saspek untuk mencari kebenaran?

A : Sebab saya tidak nampak dia dalam keadaan tertekan.

Q : Kamu tadi katakan beliau berada di dalam keadaan resah, pada awal semasa kamu memberi keterangan, ini keterangan kamu, Sekarang kamu beri keterangan lain, kata bahawa kamu tidak nampak sebarang keresahan atau ada sebarang tekanan.

A : Saya kata semasa awal dia resah.

Q : Resah maknanya kita resah so kelihatan jelas menurut keterangan daripada kamu sendiri so tidak boleh lari, tidak ada jawapan? Sebenarnya kamu tidak tanya beliau dalam kes ini kerana kamu tahu beliau berada dalam keadaan tertekan tapi kamu tidak hendak tanya dia? Kamu tidak hendak ambil tahu berkenaan perkara ini. That is why you don't even bother to ask him because you knew he was under pressure, but you did not want it to come out to be open. Tidak ada jawapan?

A : Sebab saya berbual perkara lain dengan dia. Sebelum merakam percakapan saya ada berbual dengan dia.

Q : Kamu katakan penting tapi dalam kes ini tidak tanya samada dia ada

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

sebarang complaint walhal kamu tahu beliau resah dan kamu sendiri kata dan lepas itu bila disoal oleh saya, kamu kata pulak tidak nampak sebarang tekanan. Saya cadangkan kepada kamu bahawa sebenarnya kamu tidak tanya dia, kerana kamu tahu keadaan sebenar, di tempat itu masa itu. You have been involved under severe pressure. You did not want to ask him because you did not want it to come out and to the open. Khususnya dirakamkan percakapan di dalam statement ini.

Mahkamah : Perbualan itu, perbualan apa? Sebelum start recording, perbualan itu, perbualan macam mana?

A : Perbualan dengan saksi, saya kata saya hendak record statement, Saya tanya dia dah makan ke belum. Dia kata dah dan saya kata bolehkah kita rekod statement. Dia kata okey.

Q : Itu sahaja?

A : Saya tanya dia datang dengan apa.

Q : Dalam pengalaman kamu setuju dalam statement khususnya saspek, kena check saspek ada samada itu ada kecederaan sebagai prosedur?

A : Sebagai prosedur saya kena tanya pada saspek samada dia ada kena pukul ataupun tidak.

Q : Kamu ada tanya, kebiasaannya pada prosedur?

A : Sebagai prosedur soalan itu akan ada kepada saspek.

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Q : So maknanya adalah kes-kes dimana saksi dipukul?

A : Selama saya rekod statement, tidak ada.

Q : Soalan ditanya kerana ada keadaan-keadaan di mana ada aduan dipukul?

A : Kalau soalan itu memang ada.

Q : Didalam kes ini adakah kamu tahu apa kes yang disiasat sebagai pegawai perakam, adakah kamu tahu latar belakang kes?

A : Saya tahu secara am belakang kes.

Q : Saya tidak faham secara latar belakang? Apa maksudnya?

A : Secara am dan secara kasar. Secara latarbelakang tentang tohmahan dan tuntutan palsu YB Ean.

Q : Selain itu ada tahu apa-apa lagi? Bagaimana dapat tahu?

A : Tahu. Saya diberi taklimat ringkas oleh Tuan Hairul Ilham.

Q : Kamu diberi taklimat oleh Tuan Hairul Ilham. Bila?

A : Semasa dia memberi arahan kepada saya untuk merekod statement.

Q : Kebiasaannya adalah lebih elok sekiranya seorang pegawai perakam

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

tidak tahu berkenaan kes tersebut bukan? Untuk memastikan impartiality atau tidak memihak mana-mana atau sendiri. So, kebiasaannya lebih baik recording officer have no idea to take the statement.

A : Secara kasar perlu tahu.

Q : Kamu tidak tahu berkenaan kes dan fakta-fakta tertentu dalam kes ini?

A : Tidak tahu.

Q : Kamu tidak tanya saksi berkenaan kes ini?

A : Saya tanya saksi berkenaan dokumen.

Q : Ada tanya saksi berkenaan kes?

A : Tidak ada.

Q : Ada tanya latar belakang saksi?

A : Ada.

Q : Ada bertanya berkenaan dengan keadaan status perkahwinan beliau?

A : Saya ada tanya.

Q : So, apa dia bagi tahu?

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

A : Dia kata dia masih bujang.

Q : Lagi?

A : Ada 2 orang adik beradik.

Q : Adakah beliau beritahu bertunang dan akan berkahwin pada hari seterusnya?

A : Tidak.

Q : Encik Nazri, daripada percakapan yang kamu ambil daripada Mr Teoh Beng Hock, kamu setuju bahawa apa yang dikatakan di sini tidak lengkap dari segi siasatan berkenaan dengan dokumen lain yang masih perlu dijalankan?

A : Ya tidak lengkap.

Q : Kalau tidak lengkap, kamu benarkan beliau balik dan datang kemudian hari dengan dokumen?

A : Ya.

Q : Maknanya, tidak ada keperluan untuk kamu menyoal saksi ini sampai pukul 3:00 pagi, oleh kerana untuk kamu sendiri, beliau boleh datang kemudian hari, there was no reason for you to question him at this hour, with the fact, you yourself are prepared to release him to go and bring the document the next day.

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

A : Saya menjalankan arahan.

Q : Saya tanya pada kamu, tidak perlu pada kamu, even you also tidak perlu berada disitu pada pukul 1 pagi untuk ambil statement ini?

A : Perlu untuk mengikat secara terhadap dokumen-dokumen yang diberikan.

Q : Kamu tidak tahu berkenaan dengan kes, kalau kamu tidak tahu berkenaan dengan kes, kamu hendak ikat apa?

A : Saya diberi arahan untuk bertanyakan pasal cara komisyen diberi dan nama syarikat.

Q : Kamu tidak tahu berkenaan dengan kes, bagaimana kamu hendak ikatkan itu, jawapan itu dengan kes.

A : Saya ikat berkenaan dengan dokumen.

Q : Ikatan dokumen ini boleh dibuat dikemudian hari nya juga, dokumen ini esok dan hari lain pun boleh dikeluarkan?

A : Saya menerima arahan.

Q : Kalau hendak ikat dokumen boleh dibuat pada hari lain juga, tiada masalah?

A : Takut saksi akan berubah fikiran.

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Q : Berkenaan dengan dokumen kemudiannya, kamu kata kamu takut saksi akan berubah fikiran, berkenaan dengan apa? Kalau seseorang itu keluarkan dokumen, Tanya dia hari ini atau esok pun sama jugak kan? Documentation, you and I know, hari ini sign, esok sign pun sama. Soalan saya menjurus kepada itu, kalau ikat setakat dokumen sahaja boleh dibuat dikemudian hari?

A : Setuju.

Q : Dalam kes ini beliau diminta terus berada di situ dan saya cadangkan kerana pada masa itu niat adalah untuk mendapat jawapan daripada dia dan untuk mengikat dia dengan kes ini, untuk mengenakan dia dengan kes ini. That it what the true intention was. The intention is to keep him there overnight, to force him whether it is by pressure or otherwise, to admit this certain case. That is only reason he was kept there because there is no need to record the statement that night by you.

A : Saya tidak setuju.

Q : Untuk mendapat jawapan yang mengikat itu perlu digunakan kekerasan, tekanan mental dan juga kekerasan fizikal oleh itu perlu disimpan satu malam di situ sehingga beliau di pecahkan semangat broken down by the MACC officers who were there. Do you agree?

A : Tidak setuju.

Q : Keadaan di pejabat sunyi pada malam itu, pintu bilik kamu buka

dan boleh dengar. Kalau boleh dengar, ada dengar pergaduhan dengan sesiapa?

A : Sunyi dan tidak dengar apa-apa.

Pemeriksaan oleh Encik Malik Imtiaz:

Q : Tuan Nazri, boleh beritahu Mahkamah apakah kelayakan pendidikan, setakat mana?

A : Sarjana Muda Pentadbiran Korporat dari Uitm Shah Alam.

Q : Pada tahun berapa dapat ijazah?

A : Pada 2005.

Q : Iaitu selepas masuk SPRM?

A : Ya.

Q : Secara part time or full time?

A : Part time.

Q : Apakah jawatan sekarang di SPRM?

A : Penolong Kanan Penguasa di Unit siasatan.

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Q : Tadi ada beritahu Mahkamah bahawa Tuan Nazri diarahkan merakam percakapan, arahan itu diterima dari siapa?

A : Tuan Hairul Ilham.

Q : Tapi di sini Pegawai Penyiasat adalah Tuan Anuar, setuju?

A : Ya.

Q : Kenapa terima arahan daripada Tuan Hairul Ilham.

A : Sebab dia Ketua Unit Siasatan.

Q : So, Tuan Hairul Ilham juga terlibat dalam penyiasatan ini? Mungkin atau tidak? Kalau diberi arahan mesti terlibat kan?

A : Saya tidak pasti.

Q : Taklimat ringkas yang diberikan oleh Tuan Hairul Ilham, pukul berapa taklimat itu diberi?

A : Lebihkurang 12 lebih tengah malam.

Q : Pada masa taklimat diberi ada sesiapa lain di situ? Pegawai yang lain?

A : Ada. Penolong Penguasa Mohd Yusnizan.

Q : Siapa dia?

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

- A : Salah seorang pegawai siasatan dari unit siasatan.
- Q : Ada lagi sesiapa disitu?
- A : Ada lagi tapi saya tidak ingat.
- Q : Anggaran ada berapa pegawai di situ?
- A : 4 – 5 orang.
- Q : Tapi tidak ingat siapa?
- A : Tidak.
- Q : Oleh itu, boleh dikatakan bahawa pada jam 12:00 malam ada lebihkurang 7 atau 8 orang disitu sekurang-kurangnya di dalam pejabat SPRM?
- A : Lebihkurang ya.
- Q : Apakah taklimat yang diberi?
- A : Dia mengarahkan merekod statement lepas itu dia menyuruh saya bertanyakan tentang dari mana quotation yang Mr. Teoh Beng Hock dapat, sumber, cara dia mendapatkan quotation itu.
- Q : Ada arahan spesifik?

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

A : Ada 2 arahan spesifik iaitu, pertama, adalah untuk mandapat tahu cara dia mendapatkan quotation itu, kedua, kenalpasti siapa nama pemilik syarikat.

Q : Semasa taklimat ringkas tersebut, Tuan Nazri diberi dokumen-dokumen yang dirujuk didalam rakaman ini?

A : Selepas itu baru saya diberi.

Q : Siapa yang diberi?

A : Tuan Anuar.

Q : Semasa taklimat di situ, Tuan Anuar ada?

A : Saya tidak ingat.

Q : Berapa lama selepas itu, masa untuk diberi dokumen oleh Tuan Anuar?

A : Lebihkurang ½ jam sebelum rakaman percakapan.

Pemeriksaan oleh Dato' Abdul Razak:

Q : Di dalam kes ini ada Encik Nazri terlibat dalam buat serbuan atau pergi merampas apa-apa rampasan di mana-mana tempat?

A : Tidak ada.

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Q : Penglibatan Encik Nazri hanya pada malam itu dalam pukul 12:00 untuk merakam percakapan?

A : Ya.

Q : Beg tadi tidak habis lagi cerita, awak kata ada bawa masuk ke dalam dan apa berlaku selepas itu?

A : Beg Mr Teoh Beng Hock tidak dibawa masuk ke bilik saya tapi diletakkan diluar bilik saya.

Q : Tadi semasa Encik Tan tanya, awak kata ada dia bawa beg masuk ke dalam dan sekarang awak kata diletakkan di luar mana satu betul?

A : Dia bawa beg daripada ruang tamu Pendidikan Masyarakat dan sampai ke bilik saya, dia letakkan diluar bilik saya.

Q : Di luar, di mana?

A : Dekat sofa di luar bilik saya.

Q : Bagaimana dengan telefon bimbit ada dibawa masuk ke bilik kamu?

A : Saya tidak nampak dia bawa telefon bimbit.

Q : Bermakna sepanjang 2 jam rakaman percakapan beg ini berada di sofa di luar bilik awak?

A : Ya.

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Q : Bila awak tinggalkan dia dalam pukul 3:55 pagi ada beg tersebut?

A : Ada.

Q : Awak ada beritahu Encik Anuar ada jenguk dan masuk ke bilik dan bertanya khabar apa yang dia tanya?

A : Pada Teoh Beng Hock dia tanya ok ke tidak.

Q : Bagaimana dengan awak? Dia tanya apa pada awak?

A : Dia tanya ok atau tidak.

Q : Di peringkat tersebut, ada apa-apa masalah untuk merakam percakapan?

A : Tidak ada.

Q : Dalam I 69 – (dirujuk), dalam percakapan simati ini, Encik Nazri telah tunjukkan banyak dokumen dan minta Teoh Beng Hock menjelaskan dari mana dia perolehi dan bagaimana proses sehingga peringkat kelulusan pembayaran?

A : Ya.

Q : Daripada percakapan ini kita boleh dapati seolah-olah Teoh Beng Hock adalah seolah-olah orang yang mengesahkan kerja-kerja yang dilakukan. Contohnya di muka surat 5 di bawah sekali dan dia mengesahkan kerja-kerja yang dilakukan?

A : Ya.

Q : Selain daripada dokumen ada awak tahu ada juga dokumen yang diperolehi daripada laptop?

Dato' Abdul Razak : Pohon rujuk I 65.

Q : I 65 ialah tentang syarikat Fizami dan syarikat Haris. Adakah awak merujuk atau menggunakan dokumen ini untuk ditanya tentang syarikat itu kepada Teoh Beng Hock?

A : Ada.

Q : So, dalam jawapannya ada dia cakap samada ianya di e-melkan kepada laptop?

A : Ya.

Q : Selain daripada dokumen ini dan dokumen-dokumen yang lain daripada tentang projek-projek lain dan sebagainya. Itu dapat daripada mana? Sumbangan kebakaran dan sebagainya, dokumen-dokumen itu siapa yang beri pada awak?

A : Pegawai Penyiasat kes Tuan Anuar.

Q : Dan ada juga tentang Syarikat Maritim, dokumen dimuka surat terakhir? Betul?

A : Ya.

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Q : Apakah maksud yang kamu kata dia boleh balik tapi kena lagi bawa dokumen-dokumen yang lain. Apakah dokumen-dokumen yang lain yang diperlukan untuk tujuan siasatan ini?

A : Encik Teoh Beng Hock mengatakan bahawa dia akan membawa semula dokumen-dokumen yang berkaitan dengan quotation yang diperolehi daripada Syarikat Fizami dan Syarikat Haris.

Q : Lagi yang lain-lain selain daripada quotation yang diperolehi daripada laptop, pihak SPRM ada voucher pembayaran dan sebagainya, kalau boleh lihat voucher yang sedang awak pegang itu?

A : Ya.

Q : Ada dia beritahu dimana simpan dokumen-dokumen lain yang hendak dibawa itu?

A : Dia mengatakan ada di pejabatnya.

Q : Bila dia janji hendak hantar dan hendak dikemukakan?

A : Pada esok hari dan dia janji pada 16.7.2009.

Q : Semasa Teoh Beng Hock pergi ke tandas atau ke toilet kenapa awak tidak ikut dia?

A : Sebab saya sudah bagi petunjuk jalan kepada dia dan dia faham.

Q : So adakah dia tahu di mana toilet?

SI 22 – MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

A : Saya rasa dia tahu.

Q : Dia tidak ada masalah untuk pergi ke situ?

A : Ya.

Q : Berapa jauh bilik awak ke toilet adakah dia bertentang atau belok-belok?

A : Dia perlu ikut lorong.

Q : Kalau ada orang bercakap kuat ataupun bertengkar di dalam toilet awak boleh dengar atau tidak?

A : Tidak boleh.

Q : Encik Nazri, kenapa awak tidak ajak simati turun sekali dengan awak sebab awak pun hendak balik?

A : Dia kata dia hendak berehat sekejap.

Q : Encik Nazri, daripada soal balas berkenaan percakapan saspek dan juga percakapan saksi memang ada beza?

A : Ya.

Q : Kalau kita, dari segi amaran dibawah seksyen 30 (3) (b) ASPRM, adakah ditanya atau pun keperluan awak mesti diberi percakapan sukarela tidak ada ugutan, dorongan, paksaan dan sebagainya?

A : Ya, perlu.

Q : Di mana dia, di bahagian mana?

A : Di bahagian benar.

Q : Ada cakap dengan sukarela tidak ada ugutan, tidak ada paksaan di dalam itu?

A : Tidak ada.

Q : Apa yang ada di dalam amaran ini dia kena cakap benar?

A : Betul.

Q : Bagi amaran ataupun percakapan terhadap sasppek adakah awak tahu perbezaan dia bahawa tidak ada peruntukan sebegini kena cakap benar dan seksyen 53 dia nak cakap bohong dan tidak cakap pun tidak ada apa, dia ada pilihan untuk remain silence, tidak ada paksaan?

A : Betul.

Q : Kerana walaupun dia tertakluk kepada seksyen 53, tetapi perbezaan keperluan tertakluk dibawah seksyen 53 ialah tidak ada perlu ditanya samada dia perlu cakap secara sukarela, setuju?

A : Setuju.

SI 22- MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Q : Semasa awak balik dalam pukul 4:00 adakah Hairul ada lagi atau pun dia dah balik?

A : Saya tidak pasti.

Q : Sepanjang awak bersama dengan Teoh Beng Hock di dalam bilik awak dan juga sebelum awak balik, immidiately sebelum awak balik, ada dia mengadu yang dia kena pukul?

A : Tidak ada.

Q : Semasa awak tinggalkan dia di sofa sebelum awak balik, awak kata awak jumpa Tuan Anuar dan beritahu sudah selesai dan dia suruh awak beritahu semula kepada Teoh Beng Hock dia boleh balik dan bawa dokumen semula esok?

A : Ya.

Q : Dan awak dapat tahu tentang kematian Teoh Beng Hock pukul berapa?

A : Dapat tahu Teoh Beng Hock mati dalam pukul 2:00 petang pada 16.7.2009.

Q : Pada masa itu awak di mana?

A : Dalam perjalanan pulang ke pejabat.

Q : Awak lapor diri di SPRM Selangor pada tahun bila?

A : Saya lapor diri pada 1 April 2009.

Encik Gobind : Untuk hanya satu penjelasan, untuk rekod, the question has to do with tandas earlier; i think the question is berapakah jauh and the witness said you kena masuk lorong. I just wondering maybe court can help us roughly, just beberapa pertanyaan tentang tandas. Also, whether he knows which toilet he went to, i think that is the few questions.

Mahkamah : Boleh.

Timbalan Pendakwaraya: If court wants to see the scetch plan. Rujuk I 63.

SI 22 : (Merujuk ekshibit - I 63).

Mahkamah : Saksi katakan tadi dia memandu arah Teoh Beng Hock ke tandas. Pandu arah ke tandas yang mana? Rujuk kepada I 63. Dari mana ke mana?

Mr. Gobind : Kamu tahu dia pergi ke tandas yang mana?

SI 22 : Tandas sebelah kiri di tandas lelaki I 63 E.

Mahkamah : Nampak dia pergi? Tandas yang kamu arahkan dia pergi itu tandas yang mana?

SI 22 : Tandas lelaki. I 63 E.

SI 22- MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

Mr. Gobind : Lebihkurang berapa jauh daripada bilik kamu?

SI 22 : Lebihkurang 50 meter.

Mahkamah : Pintu belah kiri atau sebelah kanan?

SI 22 : Lebihkurang 50 meter daripada bilik saya.

Mahkamah : Daripada I 63 B dia bergerak ke I 63 E.

SI 22 : Ya.

Mahkamah : Dia lalu jalan yang sebelah kiri, maknanya dia lalu di unit rekod? Lalu Unit rekod dan lalu pantry, lalu depan bilik generator baru pergi ke tandas. Kalau ikut map lah. Dalam anggaran jarak dalam 50 meter. 50 meter berapa kaki?

SI 22 : Ya.

Timbalan Pendakwaraya: Lebihkurang 170 kaki.

Mahkamah : Ada soalan lagi?

Mr. Gobind : Tiada.

Mahkamah : Ada 1 soalan. Masa kamu ada tanya Encik Teoh Beng Hock samada dia ada makan ke belum? Apa jawapan dia? Exactly, apa jawapan dia? Dia dah makan ke, dia tak makan ke. Dia hendak makan ke. Apa jawapan dia?

SI 22- MOHD NAZRI BIN IBRAHIM

SI 22 : Ya. Dia kata sudah makan.

Mahkamah : Kamu ada tanya bila dia makan?

SI 22 : Tidak tanya.

Mahkamah : Tapi dia kata sudah makan?

SI 22 : Ya.

Mahkamah : Time itu pukul berapa?

SI 22 : Lebihkurang 1:30 pagi.

Mahkamah : Tiada soalan lain dan kita lepaskan saksi SI-22.

Timbalan Pendakwaraya: I just want to refer the original punch-card no. 23. Pohon ditanda.

Mahkamah : I 70 – Punch Card Encik Mohd Nazri bin Ibrahim

Timbalan Pendakwaraya: I suggesting that we take break for the 2 hour to have lunch, I got 2 witnesses from the SPRM. I hope we can finish today. Dengan izin Mahkamah, pohon saksi dilepaskan.

Mahkamah : Dibenarkan. Stand down.1/2 jam.

t.t Azmil Muntapha bin Abas.

SI 23 – BULKINI BIN BAHARUDDIN

12:20 pm

Pihak-pihak seperti yang terdahulu.

Timbalan Pendakwaraya : Saya cadangkan kita panggil saksi seterusnya.
Bulkini bin Baharuddin.

SI 23:

Nama : Bulkini bin Baharuddin
Jawatan : Penolong Penguasa
Jabatan : SPRM Putrajaya

[Angkat sumpah dan beri keterangan dalam Bahasa Malaysia.]

Pemeriksaan oleh Timbalan Pendakwaraya:

Q : Pada bulan 7, 2009, maknanya tahun ini, Encik Bulkini bertugas di mana?

A : Saya bertugas di SPRM ibu Pejabat di Putrajaya.

Q : Pada 15.7.2009, adakah kamu bertugas, kamu kerja?

A : Ada.

SI 23 – BULKINI BIN BAHARUDDIN

Q : Saya hendak tanya tentang masa yang khusus pada pukul 7 malam, 15.7.2009, jam 7 malam, adakah kamu bertugas?

A : Ada.

Q : Pada masa itu Encik Bulkini jalankan tugas apa?

A : Pada masa itu di rumah Tan mengiring Tan balik ke SPRM.

Q : SPRM mana?

A : SPRM Shah Alam, Selangor.

Q : Nama dia Tan apa?

A : Tan Beng Hock.

Timbalan Pendakwaraya: Pohon izin mahkamah untuk lead. Kalau tidak, we have to wait for Tan Boon Hwa to come for identified. Nama beliau Tan Boon Wah? Nama saksi?

A : Saya panggil dia Tan sahaja. (Diterima sebagai Tan Boon Wah).

Timbalan Pendakwaraya : We get Tan Bon Wah come to court next time.

Q : Bagaimanakah kamu membawa Mr Tan ke SPRM Selangor?

A : Dengan kereta.

Q : Siapa lagi dengan kamu?

A : Saya, Penolong Penguasa Zulkifli dan Penolong Penguasa Hadri.

Q : Untuk tujuan apa?

A : Untuk tujuan satu siasatan.

Q : Pukul berapakah pasukan kamu dan Encik Tan sampai ke SPRM Selangor, lebihkurang?

A : Lebihkurang pukul 10:00 malam.

Q : Rumah Encik Tan di mana?

A : Disebelah Balakong.

Q : Kenapa makan masa 3 jam untuk sampai, lebihkurang?

A : Lebihkurang 3 jam sebab jalan sesak dan driver kenderaan tidak berapa tahu jalan.

Q : Bila kamu sampai di pejabat SPRM Selangor jam lebihkurang 10:00 malam pada 15.7.2009, bersama Encik Tan apa berlaku? Apa yang kamu buat dengan saksi Mr. Tan?

A : Saya minta Encik Tan duduk di tempat rehat di sebelah belakang ada ruang rehat di pejabat SPRM Selangor.

SI 23 – BULKINI BIN BAHARUDDIN

Q : Kamu sendiri bukan bertugas di SPRM Selangor?

A : Bukan.

Q : Sila ceritakan apa berlaku selepas itu?

A : Pada 16.7.2009, pagi.

Q : Selepas awak minta dia duduk di ruang rehat jam lebihkurang 10 malam, bilakah seterusnya kamu nampak dia atau jumpa dia?

A : Selepas pukul 10:00 saya ada jumpa dia dan dalam pukul 2:30 pagi lebihkurang, saya sedang makan Mr. Tan datang dan tanya saya di mana tandas, saya beritahu pada Tan di hujung sana (tunjuk dengan tangan) dan dia tidak faham dan saya terpaksa pergi bersama dia sampai ke pintu bilik air.

Q : Siapa lagi di ruang makan pada masa Mr Tan jumpa kamu?

A : Saya dengan Hafizul dan Hadri.

Q : Di pantry?

A : Ya.

Q : Adakah Hadri dan Hafizul juga ikut kamu bawa Mr Tan ke toilet?

A : Tidak. Saya sahaja.

SI 23 – BULKINI BIN BAHARUDDIN

Q : Selepas awak bawa Mr Tan ke tandas apa berlaku?

A : Masa saya hendak masuk ke dalam bilik air, seorang lelaki yang berseluar putih dan berbaju hitam pun masuk jugak, turut sama masuk ke dalam bilik air.

Q : Lelaki yang baju putih dan berbaju hitam datang dari arah mana?

A : Arah depan saya.

Q : Adakah kamu kenal siapa lelaki yang seluar putih dan berbaju hitam itu?

A : Masa itu saya tidak kenal.

Q : Selepas itu apa berlaku?

A : Selepas lelaki berseluar putih itu masuk ke bilik air, saya dengar satu suara kuat dan tinggi memarahi seseorang dalam bahasa cina.

Q : Awak berada di mana pada masa itu?

A : Berada di pintu tandas.

Q : Kamu tahu suara siapa?

A : Saya dengar suara itu suara Tan.

Q : Kamu katakan dalam bahasa cina?

SI 23 – BULKINI BIN BAHARUDDIN

- A : Saya dengar dalam bahasa cina.
- Q : Ada macam jawapan atau respond dari orang yang lagi satu?
- A : Itu saya tidak berapa dengar.
- Q : Bahasa cina, kamu tahu bahasa apa?
- A : Saya tahu Bahasa Mandarin.
- Q : Encik Bulkini, faham tak Bahasa Mandarin?
- A : Saya faham Bahasa Mandarin, tidak berapa pandai tapi boleh faham.
- Q : Adakah kamu faham apa yang dikatakan oleh Encik Tan?
- A : Saya faham.
- Q : Apa yang Mr Tan cakap dan katakan?
- A : Suara kuat itu dia katakan, “nee lo”, maknanya “awak punya hal la ini’,
Dia katakan kepada seseorang. Saya masih teringat sehingga kini.
- Q : Apa yang kamu faham tentang perkataan mandarin yang dikatakan itu?
- A : Saya faham itu “Awak lah”.
- Q : Berapa lama bila kamu berada di pintu tandas yang awak katakan itu?

SI 23 – BULKINI BIN BAHARUDDIN

A : Tidak lama. Lebihkurang dalam tidak sampai dalam 2 minit. Bila dia masuk sahaja, saya pun hendak pusing balik ke belakang, ke pantry tempat makan, saya terdengar perbualan sebegini.

Q : Adakah kamu buat apa-apa bila terdengar ini?

A : Saya tidak buat apa-apa dan saya terus sahaja ke tempat makan sebab nak sambung makan.

Q : Adakah tandas lelaki sebelah dengan bilik pantry?

A : Ya.

Q : Kamu biasa dengan pejabat SPRM Selangor?

A : Boleh dikatakan biasa juga.

Timbalan Pendakwaraya : Pohon rujuk I 63 – sketch plan.

Q : Bilik pantry dan tandas sila tunjuk. Mana pantry?

A : Tandas I 63 E dan Pantry I 63 K.

Q : Selepas kejadian bilakah kali seterusnya yang berjumpa dengan Mr. Tan? Ada atau tidak?

A : Selepas saya dengar saya pergi semula ke tempat makan saya untuk habiskan makan dalam lebihkurang 5 minit Mr Tan lalu semula depan meja saya dekat pantry.

SI 23 – BULKINI BIN BAHARUDDIN

Q : Bagaimana dengan lelaki yang berseluar putih dan berbaju hitam?

A : Itu saya tidak tahu.

Q : Adakah dia masuk ke pantry?

A : Tidak.

Q : Ada nampak beliau?

A : Tidak nampak.

Q : Bila Encik Tan lalu di meja kamu di pantry ada di cakap apa-apa pada kamu, ada kamu cakap apa-apa pada dia?

A : Tidak ada.

Q : Selepas itu, pada 16.7.2009, ada jumpa Mr. Tan selepas itu? Petang ke pagi ke?

A : Tidak ada.

Q : Kamu katakan bahawa pada masa dekat tandas kamu tidak kenal lelaki yang seluar putih dan baju hitam. Selepas kejadian atau kemudian, adakah kamu tahu siapa orang tersebut?

A : Selepas beberapa hari dalam TV tunjukkan simati dan lama-lama saya baru teringat, lelaki ini ada pakai seluar putih, bila saya ingat betul-betul, saya ada berjumpa dengan dia ada dalam bilik air, dia ada pergi ke bilik

SI 23 – BULKINI BIN BAHARUDDIN

air semasa saya dan Mr. Tan pergi ke bilik air. Itu yang saya ingat balik. Si mati ini pakai seluar putih, semasa masuk ke dalam bilik air itu pun dia pakai seluar putih.

Q : Saya tidak tanya tadi, terdahulu, tentang bangsa orang yang baju hitam dan seluar putih. Bangsa apa?

A : Saya tidak tahu bangsa apa tapi apabila tengok saya syak orang cina.

Q : Kalau kita bandingkan ketiggian lelaki cina berseluar putih dan berbaju hitam dengan Mr. Tan, ada apa-apa perbandingan dari segi ketinggian?

A : Lebihkurang sama tinggi.

Q : Encik Bulkini, dari segi kasut yang lelaki yang seluar putih dan berbaju hitam ini. Ada kamu perhatikan kasut berwarna apa?

A : Kasut dia saya tidak pasti sebab nampak sekali imbas sahaja.

Q : Kalau ditunjukkan gambar, bolehkah Encik Bulkini cam atau pun tidak?

A : Boleh.

Timbalan Pendakwaraya : I 1, just photo no. 3 – covering the photo no. 4.

Q : Kata kamu boleh cam. Kamu lihat betul-betul, satu gambar sahaja I 1 foto no. 3. Boleh cam atau tidak samada ini lelaki tersebut?

A : Ya.

SI 23 – BULKINI BIN BAHARUDDIN

Q : Pasti?

A : Pasti.

Q : Kamu berada di pejabat SPRM Selangor, saya hendak tanya pada 16.7.2009 sahaja, sampai pukul berapa?

A : Hampir pukul 4:00 saya keluar dari pejabat SPRM.

Q : Selain daripada kejadian di tandas itu, adakah kamu berjumpa dengan lelaki berseluar putih dan berbaju hitam ini selepas itu?

A : Tidak pernah jumpa.

Pemeriksaan oleh Encik Gobind:

Q : Encik Bulkini, kamu masuk ke dalam pantry jam berapa?

A : Saya masuk ke Pantry lebihkurang dalam pukul 2:30 pagi.

Q : Dalam masa di Pantry adalah kamu melihat lelaki yang berseluar putih tersebut lalu di kawasan pantry pada sebarang masa?

A : Tidak.

Q : pasti?

A : Pasti.

SI 23 – BULKINI BIN BAHARUDDIN

- Q : Bila sampai tandas, kamu tidak masuk tandas itu?
- A : Ya saya tidak masuk.
- Q : Kamu tidak tahu berapa ramai orang di dalam tandas tersebut kerana tidak masuk tandas itu?
- A : Ya, tidak tahu.
- Q : Kamu tidak tunggu di luar tandas itu jadi kamu tidak tahu berapa ramai yang keluar dari tandas itu?
- A : Ya.
- Q : So, suara yang kamu dengar itu, kamu tidak lihat siapa sebenarnya yang bersuara?
- A : Ya.
- Q : Selain daripada perkataan “nee loo” tiada apa-apa lain?
- A : Tidak. Saya pun tidak dengar yang, sekejap sahaja dan saya terus berjalan.
- Q : Tidak tahu siapa yang bersuara itu tapi anggap suara Tan?
- A : Ya. Saya anggap suara Tan.
- Q : Tidak dengar suara sesiapa lain?

SI 23 – BULKINI BIN BAHARUDDIN

A : Tidak dengar.

Q : Satu suara sahaja. Tidak ada respon?

A : Suara lagi satu saya tidak tahu dan saya tidak dengar.

Q : Ada suara lagi satu, tapi tidak dengar. Ada suara lagi satu atau tidak ada?

A : Tidak ada.

Q : Encik Tan Bon Wah, dia kata dia langsung tidak jumpa dengan lelaki berseluar putih itu. Itu apa yang dia katakan. Soalan kepada kamu ialah kamu sebenarnya langsung tidak tahu siapa yang bersuara kepada lelaki yang berseluar putih itu? Ada penafian?

A : Tapi saya yang bawa Mr Tan ke bilik air.

Q : Tapi tidak dinafikan sebenarnya kamu nampak dan tidak tahu siapa yang bersuara?

A : Yang bersuara saya tidak tahu. Tapi saya yang bawa Mr Tan ke bilik air.

Q : Itu kita tidak pertikaikan. Adakah Encik Bulkini juga termasuk di dalam kumpulan yang menyoal siasat Tan pada malam itu?

A : Saya tidak membuat soal siasat saya hanya berjumpa dengan dia dan Cuma bertanyakan berapa soalan kepada dia.

Q : Di mana?

A : Di sebuah bilik.

Q : Kamu tidak terlibat dalam team siasatan?

A : Terlibat.

Q : Siapa yang lain?

A : Saya dan Tuan Hafizul.

Q : Tiada yang lain? Dua orang sahaja pegawai yang menyoal Tan Bon Hwa?

A : Tidak ada.

Q : Dekat bilik yang ada meja ping-pong tu kan?

A : Ya.

Q : Ada main ping pong? Ada kan? Sejam?

A : Saya tidak main ping-pong.

Q : Ya. Ada yang main ping-pong kan?

A : Saya tidak tahu main ping-pong.

SI 23 – BULKINI BIN BAHARUDDIN

Q : You tidak tahu main ping-pong. Ping-pong itu kena ada 2 orang untuk main. Siapa lagi yang berada di situ?

A : Saya tidak perasaan.

Q : Encik Bulkini, pegawai yang siasat ber,sama kamu tidak perasaan, orang yang masuk toilet kamu boleh perasaan? Saya cadangkan keterangan kamu berkenaan dengan hal ini ini adalah satu penipuan. Takkan orang yang kita tidak lihat langsung kita boleh ingat tapi pegawai yang kta bersama dalam beberapa jam itu, yang duduk makan bersama, buat apa bersama, kita tidak boleh ingat. Keterangan kamu adalah satu penipuan semata-mata. tak ada jawapan?

A : Bukan. Tidak betul. Saya tidak menipu.

No further question.

Encik Malik Imtiaz : No question.

Pemeriksaan oleh Dato' Abdul Razak :

Q : Siapa yang sampai ke tandas dahulu. Samada awak dengan Tan atau orang yang memakai baju hitam tu?

A : Saya dan Tan sampai dahulu ke toilet.

Q : Selepas itu, orang yang awak cam itu sampai ke toilet?

SI 23 – BULKINI BIN BAHARUDDIN

A : Sampai dan masuk.

Q : Pada masa itu awak dengar suara yang kuat itu?

A : Ya.

Q : Encik Bulkini, nampaknya macam boleh faham Bahasa Mandarin. Boleh beritahu Mahkamah macamana boleh faham bahasa mandarin?

A : Saya belajar pendidikan dari darjah satu hingga darjah enam di sekolah cina.

Q : Sebelum awak sampai ke toilet adakah ada siapa-siapa lain di dalam toilet, ada nampak?

A : Saya tidak nampak.

Q : Peguam mencadangkan awak bercakap berbohong pada hari itu, adakah apa-apa sebab yang awak bercakap bohong?

A : Tiada, saya tidak bercakap bohong.

Q : Semasa awak sampai ke toilet dengan Tan dan lelaki itu sampai, semasa suara itu awak dengar berapa lama tempoh awak sampai ke situ dengan suara yang awak dengar itu?

A : Masuk sahaja lelaki itu ke dalam toilet, saya terus terdengar suara yang tinggi.

No further question.

Pemeriksaan oleh Mahkamah.

Mahkamah : Rujuk saksi I 63 – sketch plan.

Q : I 63 K bilik pantry yang tempat kamu makan. Ada berapa pintu dalam bilik itu?

A : Dari bilik pantry hendak ke bilik air ada satu pintu. Depan ada satu pintu. Ada 2 pintu semua.

Q : Kamu menghadap ke mana? Kamu makan menghadap ke pintu yang mana?

A : Masa saya makan tu, saya duduk dekat yang ditanda I 63 K, sebelah kanan.

Q : Maknanya menghadap ke mana?

A : Menghadap ke dinding. Bukan ke pintu. Pintu sebelah sana.

Q : Kamu membelakangkan pintu lah?

A : Ya.

Q : Semasa kamu kata ada terserempak dengan lelaki berbaju hitam, di mana?

SI 23 – BULKINI BIN BAHARUDDIN

A : Betul-betul di depan pintu tandas.

Q : Betul-betul depan pintu tandas? Dari arah mana?

A : Dari arah depan saya.

Q : Dari arah tandas wanita itu?

A : Ya.

Q : Jarak berapa dekat?

A : Jarak dekat. Dia sama sekali masuk.

Q : Berselisih. Bersetentang lah?

A : Ya.

Q : Jarak dari tandas ke tempat makan, jauh tak?

A : Dalam lebihkurang 10 langkah.

No further question.

Mahkamah : Saksi dilepaskan di bebaskan.

t.t Azmil Muntapha bin Abas.

SI 24 – RAYMOND NION ANAK JOHN TIMBAN

Timbalan Pendakwaraya : Pohon panggil Raymond Nion Anak John Timban.

SI 24

Nama : Raymond Nion anak John Timban

Jawatan : Penolong Kanan Penguasa

Jabatan : SPRM Selangor

[Angkat sumpah dan beri keterangan dalam Bahasa Malaysia.]

Pemeriksaan oleh Timbalan Pendakwaraya:

Q : Pada 15.7.2009, di manakah kamu bertugas?

A : Di Pejabat SPRM Selangor.

Q : Ada bertugas kerja pada hari itu?

A : Ada.

Q : Bertugas sebagai apa?

A : Saya pegawai penyiasat.

Q : Pada 15.7.2009, adakah kamu menghadiri mahkamah untuk perbicaraan kes? Kes apa?

A : Ya. PP v Rosaniza di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya.

SI 24 – RAYMOND NION ANAK JOHN TIMBAN

Q : Kamu berada di Mahkamah sehingga pukul berapa?

A : Saya berada di Mahkamah sehingga pukul 1:00 tengahari.

Q : Selepas perbicaraan kes di Mahkamah Petaling Jaya, selepas pukul 1:00, kamu ke mana?

A : Saya beredar balik ke rumah untuk makan tengahari sehingga pukul 3:00 petang.

Q : Adakah kamu balik ke pejabat SPRM pada 15.7.009?

A : Ya.

Q : Jam lebihkurang?

A : 3:00 lebih petang.

Q : Apakah tugas yang kamu jalankan balik ke pejabat pada petang 15.7.2009?

A : Saya menyediakan dokumen untuk perbicaran 2 kes pada keesokan hari pada 16.7.2009.

Q : Nama kes?

A : 1) PP v Rohaniza di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya.
2) PP v Abdul Hafiz di Mahkamah Sesyen Klang.

SI 24 – RAYMOND NION ANAK JOHN TIMBAN

Q : Adakah kamu terlibat dalam siasatan kes ini mengenai tohmahan tentang tuntutan palsu oleh YB Ean, adakah kamu terlibat?

A : Pada peringkat permulaan.

Q : Pada 15hb dan 16hb?

A : Saya tidak terlibat.

Q : Kenapa tidak?

A : Sebab Ketua Siasatan maklumkan saya kena hadir untuk kes perbicaraan di Mahkamah dan saya adalah Pegawai Penyiasat berkaitan dengan kes berkenaan, oleh itu saya tidak terlibat dalam kes ini.

Q : Kamu katakan ada penglibatan pada peringkat awal, apa yang dimaksudkan?

A : Ambil dokumen di Pejabat Tanah.

Q : Pada 15.7.2009, kamu berada di pejabat SPRM sampai pukul berapa?

A : Saya ada di pejabat sampai 6:00 pagi 16.7.2009, keesokan harinya.

Q : Encik Raymond, kamu ada dengar tentang Mr Teoh Beng Hock kan. Saya hendak tanya 15hb dan 16.7.2009, waktu awak berada di pejabat SPRM selangor dari jam 3:00 petang lebih petang sehingga lebihkurang

SI 24 – RAYMOND NION ANAK JOHN TIMBAN

6:00 pagi keesokannya, adakah kamu nampak Mr. Teoh Beng Hock di pejabat SPRM Selangor?

A : Ada.

Q : Jam pukul berapa?

A : Kali pertama pada jam 12:30 tengah malam, di ruang tamu bahagian Pendidikan Masyarakat.

Q : Apa berlaku? Kamu nampak dia dengan siapa? Seorang ke, orang lain ke?

A : Dia bersama dengan seorang lelaki cina.

Q : Siapa itu?

A : Saya tidak tahu nama dia.

Q : Lelaki cina itu adakah pegawai SPRM atau orang luar?

A : Orang luar.

Q : Ada pegawai SPRM atau tidak bersama dengan Mr Teoh Beng Hock?

A : Pada masa tersebut tidak ada.

Q : Awak nampak sahaja atau awak ada duduk dengan mereka?

SI 24 – RAYMOND NION ANAK JOHN TIMBAN

SI 24 – RAYMOND NION ANAK JOHN TIMBAN

A : Nampak sahaja. Tidak ada duduk dengan mereka.

Q : Seterusnya ada nampak Mr Teoh Beng Hock selepas itu?

A : Ada, jam 6:00 pagi.

Q : Jam 6:00 pagi ada nampak Mr Teoh Beng Hock? Duduk dimana?

A : Ada. Berbaring disofa.

Q : Berbaring di sofa dekat mana?

A : Di hadapan bilik Nazri.

Timbalan Pendakwaraya : Pohon rujuk I 63 – sketch plan.

Q : Tunjukkan bahagian PENMAS dulu yang kamu nampak Mr. Teoh Beng Hock jam 12:30 tengah malam itu?

A : Ya.

Timbalan Pendakwaraya : It is not marked. It's here. (Tunjuk di dalam sketch plan).

Q : Jam lebihkurang 6:00 pagi awak nampak dia bebaring di sofa berhadapan bilik Encik Nazri? Bilik Nazri di I 63 B.

A : Sofa berhadapan I 63 B.

SI 24 – RAYMOND NION ANAK JOHN TIMBAN

Q : Kamu katakan jam lebihkurang 6:00 pagi? Macamana kamu tahu jam lebihkurang 6:00 pagi?

A : Sebab selepas itu saya keluar dari pejabat dan ketuk punch kad.

Timbalan Pendakwaraya : Pohon rujuk punch-card no.19.

Q : Kamu punch-out pukul berapa?

A : Saya ketuk keluar dalam pukul 6:04 minit.

Q : 6:05 pagi ini apa?

A : Saya ketuk masuk.

Q : Kenapa punch kad masuk 6:05 pagi?

A : Saya kiranya masih bekerja dan saya kena keluar untuk hadir ke Mahkamah.

Timbalan Pendakwaraya : Sepina. I give court the photostat first. It is a sepina for the PJ court. I'll get ASP Nazri to bring the original. Pohon punch card ditandakan dahulu.

Mahkamah : Ditanda - I 71.

Q : Adakah ini saman saksi kepada kamu untuk kes di Petaling Jaya?

A : Ya.

SI 24 – RAYMOND NION ANAK JOHN TIMBAN

Q : Case number?

A : MPSJ 62-675-2005 dan 62-176-2005.

Q : Tarikh perbicaraan?

A : 13 sehingga 17 Julai 2009.

Timbalan Pendakwaraya : Pohon ditanda.

Mahkamah : Ditanda – I 72.

Q : Pada jam lebihkurang 6:00 pagi, kamu nampak Mr Teoh Beng Hock di sofa, sila terangkan dia buat apa?

A : Dia berbaring.

Timbalan Pendakwaraya : Pohon rujuk I 56 – gambar no. 20.

Q : Sofa yang mana satu? Sama dengan gambar no.21. Gambar no. 20 lebih tepat . Betul?

A : Ya.

Q : Rujuk I 4 – CCTV – gambar no.34 CCTV Plaza Masalam? Adakah ini gambar kamu keluar dari bangunan?

A : Ya.

SI 24 – RAYMOND NION ANAK JOHN TIMBAN

Q : Jam tertera pukul berapa?

A : 6:10 pagi – 16.07.2009.

Q : Bila kamu lihat Mr Teoh Beng Hock bebaring di sofa di hadapan bilik Tuan Nazri, ada sesiapa yang berada di kawasan sofa itu?

A : Tidak ada.

No further question.

Pemeriksaan oleh Encik Malik Imtiaz

Encik Malik : Saya rujuk kepada I 4 – CCTV.

Q : Sila rujuk, gambar no. 18 muka surat 19. Adakah Encik Raymond kenal siapa di dalam gambar itu?

A : Saya kenal dua, yang ini Arman sebelah kanan.

Q : Tahu nama penuh dia?

A : Arman bin Alias.

Q : Dan lagi satu?

A : Yang ini Norazif di sebelah kiri.

SI 24 – RAYMOND NION ANAK JOHN TIMBAN

Q : Nama penuh dia?

A : Saya tidak ingat.

Q : Lagi satu?

A : Saya tidak tahu.

Q : Di muka surat 17 – kenal tak orang itu?

A : Sachianathan.

Q : Di muka surat 20 gambar no.19 – kenal tak siapa-siapa di situ?

A : Kenal.

Q : Siapa dia?

A : Di depan itu Mohd Hassan.

Q : Kedua?

A : Mohd Ridzuan.

Q : Yang ketiga?

A : Mohd Najib.

Q : Sila rujuk kepada muka surat 21 gambar no.20, kenal tak, siapa dia?

SI 24 – RAYMOND NION ANAK JOHN TIMBAN

A : Mohd Ridzuan.

Q : Muka surat 25, gambar no.24, kenal tak?

A : Sebelah kanan, Mohd Shahrin.

Q : Sebelah kiri?

A : Hairul Ilham – Ketua Unit Siasatan.

Q : Muka surat 26, yang pakai helmet / topi keledar?

A : Saya tidak boleh cam.

Q : Di muka surat 27 – gambar no. 26 dan juga boleh dilihat di muka surat 28 dan 30, tahu tak siapa?

A : Bulkini.

Q : Dan di muka surat 32 – kenal atau tidak?

A : Yang depan berbaju putih Mohd Nazri.

Q : Disebelah dia?

A : Mohd Yusmizan – Pegawai SPRM di Selangor.

Q : Muka surat 33?

SI 24 – RAYMOND NION ANAK JOHN TIMBAN

A : Yusmizan.

Q : Muka surat 36 – gambar no.35, ini Tuan Hishamuddin?

A : Ya.

No further question.

Pemeriksaan oleh Encik Gobind:

Q : Encik Raymond, pagi itu kamu keluar dari SPRM lebihkurang jam pukul 6:00 pagi, sebelum itu, sebelum kamu keluar dari SPRM, kamu dimana?

A : Dalam bilik saya.

Q : Dari bilik kamu kamu terus berjalan keluar?

A : Ya.

Q : Tidak berhenti di mana-mana?

A : Ya.

Q : Bila kamu keluar, kamu melihat Teoh Beng Hock berbaring?

A : Ya.

SI 24 – RAYMOND NION ANAK JOHN TIMBAN

Q : Melihat dan terus beredar keluar?

A : Saya lalu terus sahaja.

Q : Kamu tidak ada kena mengena dengan siasatan terhadap beliau pada masa itu?

A : Tidak.

No further question.

Pemeriksaan oleh Dato ‘ Abdul Razak :

Q : Dalam pukul 6:00 pagi itu, nampak Teoh Beng Hock berbaring, adakah lampu pasang ataupun gelap?

A : Saksi tunjukkan dalam gambar no.20 – lampu sebelah kiri pasang dan sebelah kanan tutup.

No further question.

Timbalan Pendakwaraya : No any other question.

Pemeriksaan oleh Mahkamah:

Q : Bilik kamu I 63 G?

SI 24 – RAYMOND NION ANAK JOHN TIMBAN

A : Ya.

Q : Dari bilik kamu, jalan mana yang paling dekat ke pintu keluar? Ikut bawah ke ikut atas?

A : (Saksi tunjukkan gambar) - dekat dengan PENMAS.

Q : Itu yang dekat. Kenapa kamu lalu jalan yang lagi satu?

A : Saya tidak ada akses kad, tertinggal di rumah.

Q : Akses kad diperlukan untuk apa?

A : Keluar ikut pintu depan. (Ditunjuk di dalam sketch plan).

Q : Kalau ikut jalan pendek itu kena pakai akses kad?

A : Ya.

Q : Maknanya kamu ikut jalan jauh sebab kamu tidak ada akses kad?

A : Ya.

Q : Sepanjang laluan kamu itu, ada tak sesiapa yang masih berada di dalam bilik mana-mana pegawai?

A : Masa itu tidak ada.

Q : Semua gelap? Semua lampu tutup?

SI 24 – RAYMOND NION ANAK JOHN TIMBAN

A : Ya.

Q : Kecuali bilik Encik Anuar sahaja kan? Lampu yang terbuka itu, yang di sebelah kiri itu bilik Encik Anuar kan?

A : Ya.

Q : Memang tidak nampak sesiapa pada masa itu?

A : Sebelum saya balik adalah. Dalam lebihkurang pukul 5:00 - 5:45 pagi, ada beberapa pegawai yang lalu seperti Mohd Nazri, Tuan Hishamudin dan Tuan Anuar.

Q : Di mana terserempak dengan mereka?

A : Diaorang lalu depan bilik saya.

Q : Menghala ke mana?

A : Saya tidak ingat dia hanya lalu sahaja.

No further question.

Timbalan Pendakwaraya: Pohon saksi dilepaskan.

Mahkamah : Saksi dilepaskan.

Timbalan Pendakwaraya: Today we have gone at a very encouraging speed.

Mahkamah : I hope we can continue with this pace.

Timbalan Pendakwaraya: I don't know whether what to do next.

Mahkamah : I think tomorrow we can continue with the inquest.

Timbalan Pendakwaraya: I am easy with either way. I think Mr. Gobind want to say something.

Mahkamah : Tomorrow also is public holiday and school holiday.

Encik Gobind : Are we sitting tomorrow?

Mahkamah : It depends, if you keen to go on, I have no problem.

Mr. Gobind : It is Hari Raya, I am sure most people want to go back. On those circumstances, I apply to come back and continue after Hari Raya.

Mahkamah : I'm thinking the same thing too. We proceed after Hari Raya. But, bila we can resume, the following week. Just thinking about somewhere after 28th. The following week will be on 28.9.2009 onwards. But, you have to secure the witnessess; you have to call all the witness on that date.

Timbalan Pendakwaraya: Yes, we have to secure the witness. Can we start on 29.9.2009 because, just in case those people not coming back on time.

Mahkamah : Baik. 29.9.2009 because witnessess, they might take leave jugak kan.

Encik Malik : Sebelum kita besurai, ada permohonan, during the tesmoni by Dr. Khairul, the pathologist, he indicated to the court, that he have taken X-ray of the deceased. We asked for the X-ray to be available. Could I just repeat the request because we would like those. The second application is this, We are at, what is in my view, a critical aspect of the inquest, because now we are dealing with the goings in and out of the MACC officers, during the evidence of, I can't remember which exactly the MACC witness, it has been confirmed that biometric system, they all used the access card. This witness has just said, he could not go through because he don't has the access card, I making a request to court for the direction of the Investigating Officer look into the computer records of the access system to the MACC for the period in the question. I'm not saying for the whole period, since we limited it from the midnight to about 6:00 in the morning, going by the CCTV. Actually, untill 7:00 o'clock in the morning. I'm requesting a direction for the investigation Officer look into this matter because I think it put to rest certain doubt that have any reason as to whether this witness were there or not. Because from the oral testimony, we are hearing certain contradiction between the punch card. People said they going to punch card and yet, they are still there after punch-out, so on so forth. I think this is one way that court can ruled out any ambiguities about this area.

Mahkamah : I'm not sure whether the Investigation Officer did investigate on that.

Timbalan Pendakwaraya: It should be done. I think. But I also can't remember. We will check on it from midnight maybe to 8:00 a.m. on 16.7.2009.

Mr. Malik Imtiaz : I'm happy the assurance they will look into it. There is no need for a formal ruling on that.

Mahkamah : To look whether there is a record or not. Mr. Tan Hock Chuan can look into that with the Investigation Officer.

Encik Gobind : On the 29.9.2009 I'm also request that Ashraff will be present in the event of the proceeding of Siva because of the identification that we do not have to adjourne it again.

Mahkamah : Only for Ashraff. The rest will be identified through the photograph as agreed earlier.

Mr. Gobind : Yes. There is not an issue.

Timbalan Pendakwaraya: Maybe there is one issue that my learned friend can help. We want to Mr. Tan Boon Hwa be identified by Bulkini or we just take it as he is going to be identified because he was the one going into the toilet.

Encik Gobind : I agreed and same to all council. I think he should clarify because the issue I don't think its ready. I wouldn't say that, but I think it is the best way to make an issue be clear.

Timbalan Pendakwaraya : Then we asked for Mr. Tan Boon Hwa to be present on Tuesday.

Mahkamah : And Encik Bulkini sekali.

Timbalan Pendakwaraya : Yes.

Mahkamah : Kes disambung semula pada 29.9.2009.

t.t Tuan Azmil Muntapha bin Abas